

LATIHAN 2 (Surah Al-Kahfi, Ayat 107-110)

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

keluasan	soleh	syirik	akhlak
wahyu	syurga	kebaikan	

1.	Allah SWT mengurniakan syurga Firdaus kepada orang yang beramal _____.
2.	Para rasul dilantik dalam kalangan manusia supaya memudahkan manusia mencontohi _____ mulia mereka.
3.	Allah SWT mengurniakan _____ kepada para rasul untuk disampaikan kepada umatnya tentang agama Islam.
4.	Kehebatan dan _____ ilmu Allah SWT tiada tandingannya. Dia mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi serta yang terdapat di dalam hati sanubari manusia.
5.	Orang yang rindu untuk bertemu dengan Tuhannya akan sentiasa beramal soleh serta menjauhi perbuatan _____.
6.	Orang Islam hendaklah banyak melakukan amal soleh memperoleh ganjaran _____ di akhirat kelak.
7.	Setiap amalan _____ yang dilakukan hendaklah dengan hati yang ikhlas kerana Allah SWT agar mendapat keberkatan dan rahmat-Nya.